



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK MOHAMMED FAROUK BIN MOHD HUSSAIN
PELAKON**

OLEH:

AHMANUR ALIAH BINTI MUHAMAD IBRAHIM	2020618618
SERI KHAIRANI BINTI NORAZMI	2020618642

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2022 – OGOS 2022)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK MOHAMMED FAROUK BIN MOHD HUSSAIN
PELAKON**

OLEH:

AHMANUR ALIAH BINTI MUHAMAD IBRAHIM	2020618618
SERI KHAIRANI BINTI NORAZMI	2020618642

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2022 – OGOS 2022)**

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu bersyukur kami ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya kami dapat menyiapkan tugas ini dengan sempurna. Pertama sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Madam Nurulannisa Abdullah yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta penerangan yang sempurna kepada kami.

Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa kami yang banyak memberi sokongan dan dorongan dalam menghasilkan tugas ini. Tanpa sokongan dan dorongan kalian mungkin tidak dapat kami menghasilkan tugas ini dengan sempurna seperti rakan-rakan yang lain. Di samping itu, jutaan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama bertungkus-lumus dalam menghasilkan tugas ini dan bertukar idea dalam membantu kami menyiapkan tugas ini.

Terima kasih juga kami ucapkan kepada tokoh Encik Mohammed Farouk Bin Mohd Hussain kerana sudi menerima dan meluangkan masa bersama kami bagi melengkapkan tugas ini.

Akhir sekali, harapan kami agar segala tugas yang kami hasilkan dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan memberi manfaat kepada kami sendiri.

ABSTRAK

Temubual ini dilakukan bersama pelakon, penyanyi, pelawak, pengacara dan bekas pramugara di Malaysia iaitu Encik Mohammed Farouk Bin Mohd Hussain untuk mengetahui tentang perjalanan beliau dalam kerjayanya sebagai pelakon, penyanyi, pelawak, pengacara dan bekas pramugara di Malaysia. Sebelum melibatkan diri dalam industri, Encik Farouk pernah bekerja sebagai pramugara di bawah syarikat Malaysia Airlines (MAS). Kemudian pada 1994, beliau mula berjinak-jinak dan mencipta nama sebagai pengacara program Sinaran Pasport Kegemilangan. Encik Farouk juga adalah salah satu peserta Masterchef Selebriti Malaysia yang berlangsung pada tahun 2012. Pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh Encik Farouk sepanjang beliau berkarier dalam industri seni. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang.

Kata kunci: *Seniman, Veteran, Tokoh, Seni Warisan, Industri.*

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI ABREVIASI	iv
RUJUKAN KATA	v
BIODATA PENEMUBUAL	1
PENEMUBUAL PERTAMA	1
PENEMUBUAL KEDUA	2
BIODATA TOKOH	3
SEJARAH LISAN	4
Pengenalan	4
Objektif Sejarah Lisan	4
Kepentingan Sejarah Lisan	4
KAJIAN LITERATUR	5
TRANSKRIP	6
LOG WAWANCARA	41
GLOSARI	43
INDEKS	45
BIBLIOGRAFI	47
LAMPIRAN	48
SURAT PERJANJIAN	49
SENARAI SOALAN	50
DIARI PENYELIDIKAN	54
GAMBAR	55

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
MAS	Malaysia Airlines
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
KL	Kuala Lumpur
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
ITM	Institut Teknologi MARA
PETRONAS	Petroleum Nasional Berhad

RUJUKAN KATA

Besaq	Besar
Betui	Betul
Belajaq	Belajar
Depa	Mereka
Duk	Duduk
Ka	Ke
Kandaq	Kandar
Keluaq	Keluar
Ketaq	Ketar
La	Sekarang
Lepaih	Lepas
Luaq	Luar
Mai	Mari
Mau	Mahu
Pasai	Pasal
Pasaipa	Pasal apa
Pi	Pergi
Sat	Sekejap
Sebenaq	Sebenar
Seniqi	Sendiri
Seqonok	Seronok
Takdak	Tiada
Terer	Hebat
Teruih	Terus

Tok	Datuk
Tukaq	Tukar

BIODATA PENEMUBUAL

PENEMUBUAL PERTAMA



Nama	Ahmanur Aliah Binti Muhamad Ibrahim
Tarikh Lahir	18 Mac 2000
Tempat Lahir	Hospital Kuala Pilah
Alamat	No. 86, Jalan 4/1, Taman Harmoni, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan
No. Telefon	017-9053464
Emel	ahmanuraliah@gmail.com
Program	Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

PENEMUBUAL KEDUA



Nama	Seri Khairani Binti Norazmi
Tarikh Lahir	24 Oktober 2000
Tempat Lahir	Hospital Besar Melaka
Alamat	02-04 Kasuarina Salju, Residensi Warnasari 13/1, 42300 bandar Puncak Alam, Selangor
No. Telefon	013-6167569
Emel	khairaninorazmi@gmail.com
Program	Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

BIODATA TOKOH



Nama	Mohammed Farouk Bin Mohd Hussain
Tarikh lahir	12 Februari 1967
Tempat lahir	Pulau Pinang
Alamat	Kuala Lumpur
No. Telefon	019-3358808
Profesion	Pelakon, Pengacara, Penyanyi, Pelawak
Bidang	Lakonan dan hiburan

SEJARAH LISAN

PENGENALAN

Tema bagi kajian ini ialah berkaitan dengan seniman veteran yang telah banyak menyumbang kepada seni warisan di Malaysia. Seniman veteran merupakan seseorang yang kreatif, inovatif, mahir dan telah memperoleh banyak pengalaman dalam sesuatu bidang. Skop kajian ini hanya melibatkan tokoh iaitu Encik Mohammed Farouk Bin Mohd Hussain dan penemubual. Kajian juga tertumpu kepada perjalanan hidup dan cabaran tokoh sepanjang berada di dalam industri seni dan hiburan.

OBJEKTIF SEJARAH LISAN

- Untuk mengkaji latar belakang tokoh iaitu Encik Farouk Hussain.
- Untuk mengetahui perjalanan hidup tokoh sebelum dan selepas bergiat dalam industri.
- Untuk mengenalpasti cabaran tokoh dalam mengharungi dunia seni perfileman.

KEPENTINGAN SEJARAH LISAN

Kepentingan dan sumbangan yang boleh didapati daripada kajian ini ialah dapat memberikan gambaran masa lalu dengan lebih lengkap dan lebih tepat. Adakalanya untuk membetulkan kesalahan dalam rekod bertulis dan temubual ini adalah satu-satunya sumber maklumat yang tersedia. Selain itu, membantu mendalami industri seni negara yang membolehkan seseorang lebih memahaminya. Di samping itu, dapat membandingkan apa yang kekal sama dan apa yang berubah seperti perubahan dalam penulisan skrip daripada baku kepada bahasa slanga. Akhir sekali, mengekalkan untuk generasi akan datang supaya mereka dapat melihat dan menilai sendiri untuk dijadikan inspirasi dan tauladan.

KAJIAN LITERATUR

Berdasarkan artikel Pembangunan Modal Insan dan Motivasi Kerja dalam Industri Perfileman di Malaysia ditulis oleh Abdul Razak Mohaideen, industri hiburan mencakupi satu skop yang luas dan industri filem merupakan subset kepada dunia hiburan. Industri filem Malaysia dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara jika adanya seniman yang kreatif, inovatif dan berpengalaman menghasilkan filem yang berkualiti. Masyarakat Malaysia umumnya meletakkan harapan yang tinggi terhadap filem-filem Malaysia kerana mereka terdedah dengan filem-filem daripada luar negara yang menepati cita rasa mereka.

Pendedahan terhadap seni perfileman adalah tidak memberangsangkan oleh sesetengah pihak. Mereka beranggapan bahawa filem lokal tidak mampu untuk setanding dengan filem internasional. Kejayaan industri perfileman Malaysia bukanlah terletak kepada kos produksi semata-mata, ianya juga memerlukan sumber manusia yang terlatih dan mahir bagi menghasilkan filem yang berkualiti. Oleh itu, kemahiran seseorang dalam berlakon, mengarah, menulis skrip, dan segala kerja melibatkan produksi adalah sangat penting bagi mencerminkan profesionalisme dalam kalangan masyarakat. Walaubagaimanapun, hanya mereka yang mempunyai minat yang mendalam terhadap dunia perfileman hanya mampu bertahan dalam dunia industri ini walaupun tidak mempunyai sebarang pendidikan mahupun berlatar belakangkan perfileman. Hal ini tidak menyekat seseorang untuk meneruskan minat dalam industri perfileman bahkan ianya boleh dipelajari melalui pengalaman.

Kesimpulannya, penyelidik dapat membuat kajian awal ke atas seni warisan iaitu industri perfileman di Malaysia. Penyelidik juga dapat menjana idea menerusi kajian terhadap artikel ini untuk menyediakan beberapa buah soalan untuk dituju kepada tokoh berkenaan. Pelbagai cabaran juga dapat difahami oleh penyelidik bagi meneruskan kajian terhadap tokoh yang dipilih.

TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang seniman veteran dalam bidang lakonan. Bersama-sama kami ialah Encik Mohammed Farouk Bin Mohd Hussain yang merupakan seorang bekas bintang filem seni Senario. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 5 Julai 2022 bersamaan dengan hari Selasa pada pukul 10 pagi melalui *platform Google Meet*. Temubual ini dikendalikan oleh Ahmanur Aliah dan Seri Khairani. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk:

AA: Ahmanur Aliah

FH: Farouk Hussain

SK: Seri Khairani

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG

AA : Baiklah kita mulakan dengan latar belakang tokoh. Boleh ceritakan sedikit latar belakang Encik seperti nama penuh, nama panggilan, tarikh lahir, dan tempat lahir.

FH : *Okay* (baiklah) terlebih dahulu Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim, terima kasih kerana pada hari ini apa ni Ahmanur Aliah dan juga Seri Khairani sudi untuk menemu- menemuramah-- nak panggil saya ke atau abang ke mamu ya?

AA : Tak kisah. (ketawa)

FH : Pasaipa ada orang panggil mamu ada orang panggil abang. Tak apa la ikut sedap la, ikut sedap la. *Okay* (baiklah), nama-- nama di belakang tabir nama sebenarnya ialah Mohamad Farouk Hussein tetapi nama di hadapan kaca tv ini ataupun di layar perak ini dalam bidang hiburan ini dipanggil Farouk Hussein

lah sebab dah duduk Mohamad Mohamad bukan? Jadi dilahirkan pada tahun 1967 dan-- apa lagi satu? (ketawa)

AA : Tempat lahir.

FH : Tempat lahir. Dilahirkan di Pulau Pinang, di dalam pulau, Pulau Pinang. *So* (jadi) kira boleh kata anak jati Pulau Pinang lah. Itu dia, tapi sekarang sudah menetap di Kuala Lumpur.

AA : **Jadinya, Encik dibesarkan di Pulau Pinang atau Kuala Lumpur?**

FH : Dibesarkan di Pulau Pinang. Dari lahir tu sampailah tahun-- hujung tahun 1989. Berpindah di Kuala Lumpur ini apabila dapat kerja sebagai pramugara dengan *MAS [Malaysia Airlines]* pada bulan Januari 1990. Daripada tarikh itu, pada tahun itu lah, bulan satu tahun 1990 dan memang berpindah ke sini lah sampai lah tahun 2022 menetap di Kuala Lumpur.

AA : **Soalan seterusnya berapakah usia Encik pada tahun ini?**

FH : Tentang usia ini dia subjektif. Dia ikut kepada-- bulan dan bintang. Ada kalanya dua puluh lima, ada kalanya tiga puluh lima, dan ada kalanya kalau tadi dah tanya tarikh lahir, tahun ini lima puluh lima lah. Tapi yang itu *on paper* (atas kertas) sahaja. Lima Puluh lima tu *on paper* (atas kertas). Yang sebenar-benarnya tiga puluh lima, ya sampai bila-bila.

AA : **Okay (baiklah), apakah hobi yang diminati oleh abang Farouk selain daripada bidang ini?**

FH : Selain daripada hobi? Hobi- hobi abang lah ya. Selain daripada bidang hiburan ini? Ya? Yang itu ya? Itu ke maksud dia?

SK : Ya.

AA : Ha'ah.

- FH : Hobi selain daripada bidang hiburan ini-- selain daripada berlakon ini, minat macam buat landskap, tanam-tanam pokok dekat rumah dalam pasu apa semua tu, itu salah satu dan juga memelihara-- binatang apa ini, *pets* (haiwan peliharaan) lah *pets* (haiwan peliharaan). Sebab sekarang ada bela sugar glider dan lagi satu makan dan tidur. Itu yang paling diminati.
- AA : **Okay (baiklah), jadi apakah cita-cita abang sewaktu kecil selain daripada bidang hiburan?**
- FH : *Okay* (baiklah) cita-cita ini sebenarnya-- yang ini *serious* (serius) ya bukan melawak tau (ketawa). Cita-cita dulu sebelum terlibat dengan bidang hiburan ini sebenarnya abang memang minat nak jadi doktor veterinar. *Okay* (baiklah), doktor veterinar. Jangan gelak, ini betui tak tipu. Ini memang harapan tetapi apakah daya cita-cita tak kesampaian sebab terlalu pandai sangat dekat sekolah bukan? *So* (jadi) daripada sekolah menengah dan selepas itu-- terlebih pandai selepas itu tak jadilah doktor veterinar. Kerjalah hotel, kemudian kerja pramugara, kemudian jadilah anak seni. Yang itu cita-cita yang memang ada sampai sekarang sebab abang memang minat dengan haiwan-- haiwan peliharaan lah ataupun *pets* (haiwan peliharaan). Itulah dia, nak buat macam mana bukan? Dah masuk bidang hiburan, *okay* (baiklah) lah.
- AA : **Selain kegemaran abang dengan *pets* (haiwan peliharaan), apakah makanan dan minuman kegemaran?**
- FH : *Okay* (baiklah) yang ini soalan best. Selain daripada itu, *okay* (baiklah) makanan kegemaran banyak, sebabnya walaupun kata abang daripada Pulau Pinang, ramai orang ingat daripada Pulau Pinang ni dia suka makan nasi kandaq sahaja tahu, tapi nasi kandaq itu sebenarnya abang tak minat sangat. *Okay okay* (baiklah) saja lah. *So* (baiklah) kalau nak ikutkan secara umumnya, abang memang minat segala jenis makanan yang halal lah-- yang halal lah. Jangan kata semua depa kata tak halal pulak bukan? *So* (jadi) yang halal. Makanan masakan orang melayu, masakan barat (western), selepas itu masakan kalau

kata masakan melayu ini *favorite* (kegemaran) lah *favorite* (kegemaran) dia bukan nasi kandaq tahu-- masak lemak-- masak lemak cili api. Lepaih itu, dia ada yang masakan melayu lah masakan melayu. Jadi, kalau ikutkan yang *favourite* (kegemaran) nya tiada, tapi semua yang mamu suka lah. Minuman, kopi o. Bukan nescafe ya, kopi o yang asli sama ada kopi kampung, kopi jantan ataupun kopi hang tuah yang *sachet* (paket) itu, yang warna biru ataupun hijau. Yang itu memang *favourite* (kegemaran). Makanan ini sebenarnya secara umumnya-- Jangan gelak ini cerita betui, tak tipu. Nur dengan Seri duk gelak (ketawa). So (jadi) suka dengan makanan dan tidak ada makanan yang menjadi *favourite* (kegemaran) yang memang suka sangat-sangat tetapi masak lemak cili api itu, salah satu kira *top ranking* (kedudukan teratas) lah. Nasi kandaq nombor dua.

AA : **Okay (baiklah), soalan seterusnya siapakah idola abang dalam bidang seni?**

FH : Idola di Malaysia ini dari dulu sampai hari ini dan sampai bila-bila lah, tidak lain dan tidak bukan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Itu nombor satu. Nombor dua, biduanita-- Puan Sri Saloma. Nombor tiga, Allahyarham Aziz Satar. Yang keempat Allahyarham Datuk Ahmad Daud, orang *Penang* (Pulau Pinang). Yang ini kira memang mamu suka sebabnya, pasai sat lagi nak tanya kan pasaipa suka kan? Ada soalan tu kan? Jadi yang inilah idola daripada dulu sampai sekarang dalam bidang hiburan ini sebab mereka ini *versatile* (serba boleh). Kepelbagaian dalam bidang seni hiburan ini begitu luas dan mereka mempunyai bakat dan dalam bidang hiburan ini. Pada abanglah kan mereka ini adalah unik dan tidak ada penggantinya sehingga lah ke hari ini. Memang idola lah, idola.

AA : **Kalau itu idola dalam Malaysia, kalau luar Malaysia ada ke?**

FH : Di luar Malaysia ada banyak. Ada banyak di luar Malaysia. Kalau kata dalam bidang nyanyian, abang suka Elvis Presley. Elvis- Elvis. Yang menyanyi ketaq-

ketaq tu kan? Yang kolar-- macam ini itu. *So* (jadi) yang itu Elvis Presley. Selepas itu, dan juga penyanyi-penyanyi yang veteran macam Frank Sinatra, Dean Martin, Mac Mondro, Pericomo, apa semua tu kan, yang lama-lama lah, yang tahun 50-an 60-an. Di luar, itu kalau penyanyi. Kalau pelakon, mamu suka nak tengok macam Robert De Niro, Al Pacino, selepas itu, Anthony Hopkins, Tom Hanks, dan banyak lagi la bukan? Jadi, bukan sebab apa, tapi kerana bakat yang dia orang ada dan penjiwaan dalam watak yang dia orang ada di dalam filem yang mereka lakonkan. Jadi, yang itu yang membuatkan abang minat dengan dia orang.

AA : **Okay (baiklah), apakah motto hidup abang?**

FH : Motto ataupun falsafah hidup la depa katakan, pegangan dalam hidup la kan? Dalam-- pada-- abang sendiri adalah menerima keadaan seadanya dan *be happy* (bergembiralah), bergembira dan motto dalam hidup *is* (adalah), iya lah yang itu sahaja. Dia *simple* (mudah) sahaja tahu. Pada abang sendiri abang kena amalkan daripada dulu, macam mana depa kata. *Stay happy and enjoy life* (kekal bahagia dan nikmati hidup) sebab kita hidup ini hanya untuk sementara waktu dan kita dianugerahkan dengan bakat ini untuk merasai nikmat daripada Yang Maha Mencipta. Walau apa juga bidang kita sekalipun, yang kita kerja, yang kita lakukan, jadi pada-- abang sendiri, abang mengambil falsafah ataupun prinsip hidup kita berseronok dan bergembira dalam menikmati anugerah yang telah diberikan kepada kita, bakat yang telah anugerahkan kepada kita, untuk kita menjalani kehidupan dan merasai nikmat kehidupan yang sementara. *So* (jadi), *be happy always* (ceria selalu).

AA : Beralih kepada soalan berkenaan keluarga.

FH : *Okay* (baiklah), ya.

AA : **Siapakah nama ibu dan bapa abang?**

FH : *Okay* (baiklah), nama ibu Hajjah Puan Jamilah P. Binti Kadir. Masih lagi ada, masih hidup lagi. Umur sudah tujuh puluh tujuh tahun dan merupakan bekas guru. Cikgu tu cikgu, guru besaq. *Last* (akhir) jawatan timbalan guru besaq dan nama bapa Haji Mohamad Hussein Bin Haji Mohamad Sultan berusia lapan puluh tujuh tahun, masih ada lagi (angguk), dan dia bertugas dulu sebagai seorang pengurus di *Penang Port Commision* dan dia orang masih berada dalam keadaan yang sihat.

AA : **Alhamdulillah. Jadi, ibu bapa menetap di Pulau Pinang?**

FH : Dulu-- dia orang duduk dekat Pulau Pinang. Kemudian, bila anak dia dah pindah mai dekat KL [Kuala Lumpur], *so* (jadi) dia orang pun pindah mai dekat sini. Tetapi sebelum, sekarang sudah menetap di KL [Kuala Lumpur] dalam-- dah berapa tahun ya? Masa nak *start* (mula) PKP [Perintah Kawalan Pergerakan]. Dia orang datang ke sini. Sebelum itu, dia orang sudah pindah. Dia orang pergi duduk dekat Port Dickson dua tiga tahun kemudian, dia orang pergi ke Seremban dua tiga tahun. Kiranya dia orang dah keluar dari Pulau Pinang lama dah. *So* (jadi) pada tahun 2020 dia orang pindah mai dekat KL [Kuala Lumpur]. Sekarang ini dia orang duduk dekat Kota Damansara, dengan tok sekali ada, tok perempuan. Masih hidup, jangan terkejut, umur dia satu ratus tahun. *Serious* (serius). Itu mak punya mak, masih lagi hidup dia sihat walafiat. Cuma, dia *wheelchair* (kerusi roda) sebab tulang kaki retak. *So*, semuanya ada dekat KL [Kuala Lumpur].

AA : ***Okay* (baiklah), bilangan adik beradik abang?**

FH : Dua orang sahaja. Maksudnya abang dengan adik. Dua orang sahaja. Dua orang laki-laki. Dia pun dah duduk, adik abang pun-- Nama dia Mohamed Farid. *So* (jadi), panggil Farid Hussein. Dia dahulu kerja dengan *MAS [Malaysia Airlines]* juga. Sebelum itu, dekat *Penang* (Pulau Pinang) dia kerja hotel juga. Sama dia punya perjalanan itu sama macam abang, sama. Abang kerja hotel, dia pun kerja hotel. Kemudian dia kerja pramugara dengan *MAS [Malaysia*

Airlines]. Selepas itu, sekarang ini dia kerja dengan *Air Asia*, pramugara juga. Dia ketua pramugara la ni. Jadi *steward* (pelayan) orang panggil. Semua dah menetap, dia dah kahwin pun, dia menetap dekat KL [Kuala Lumpur] juga.

AA : Seterusnya, bilakah abang berkeluarga?

FH : Bila mendirikan rumah tangga la? *Okay* (Baiklah). Jadi, abang menamatkan zaman bujang abang pada tahun 1996, pada masa itu berumur dua puluh sembilan tahun. Dua puluh sembilan tahun, *so* (jadi) barulah abang mendirikan masjid. Orang dulu-dulu kata mendirikan masjid la. Orang lani depa kata mendirikan rumah tangga. *So* (jadi), yang lagi baru depa kata “Bila kahwin?” Itu 1996 (ketawa). Sampai sekarang sudah dua puluh enam tahun lah.

AA : Siapa nama-- isteri abang?

FH : Nama isteri Azlina. Azlina Binti Mohamad Yunus. Dia berasal daripada Johor Bahru. Dia bukan orang Pulau Pinang. Berasal daripada Johor Bahru. *So* (jadi), abang dengan isteri, dengan Azlina sudah berumah tangga 26 tahun lah. Dan abang ada seorang sahaja anak berumur dua puluh empat tahun. Dua puluh empat tahun, dia pun dah bekerja di Senawang dengan sebuah syarikat Korea sebab dia pergi blajaq dekat Korea dulu, hari itu 2018, 2019 di *Seoul National University*. *So* (jadi) dia boleh fasih bercakap Bahasa Korea. *So* (jadi), seorang sahaja anak.

AA : Usia isteri?

FH : *Okay* (baiklah), yang tua abang lah. *So* (jadi), dia muda setahun, lima puluh empat.

AA : Jadi, bagaimana abang bahagikan masa bersama keluarga dan kerjaya?

FH : Bahagikan masa dengan keluarga dan kerjaya. Daripada dulu sampai sekarang abang sebenarnya tiada masalah hendak membahagikan masa sebab abang ini tak kerja. Abang kerja bila ada *job* (kerja) sahaja. *So* (jadi), ada dekat rumah

selalu. *So* (jadi), memang ada masa. Jadi, isteri pun dulu dia kerja dengan TV3, sama-sama kita orang berjumpa-- di TV3. Itu nampak itu. Seorang dekat utara, seorang selatan berjumpa di Kuala Lumpur di TV3. *So* (jadi), sudah mendirikan masjid bersama. Jadi, pembahagian masa itu sebenarnya, tak tahu lah pada-- abang sendiri tiada lah masalah banyak sebab abang selalunya banyak meluangkan masa dekat rumah. Kalau tiada *shooting* (penggambaran) drama ke, ataupun tiada tugas-tugas dalam studio, *so* (jadi) memang ada dekat rumah sahaja, buat melayani kerja-kerja di rumah. Daripada dulu sampailah sekarang. *So* (jadi), tiada masalah.

AA : *Okay* (baiklah), selesai soalan berkenaan dengan keluarga.

FH : *Okay* (baiklah).

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

AA : Seterusnya, kita beralih kepada sejarah pendidikan. Apakah nama sekolah rendah abang?

FH : Sekolah rendah? *So* (baiklah), sekolah rendah yang abang belajar dahulu daripada darjah satu sampailah ke darjah enam *Francis Light*. Sekolah Francis Light 1, Pulau Pinang pada tahun 1973. Itu kira darjah satu lah. '73 [1973], '74 [1974], '75 [1975], '76 [1976], '77 [1977], '78 [1978], '79 [1979], sampai '73 [1973] lah, sampai (mengira) sampai '78 [1978]. *So* (jadi), maknanya enam tahun lah. Kemudian, pergi ke sekolah menengah pada tahun '80 [1980], '81 [1981], '82 [1982], '83 [1983], '84 [1984]-- '80 [1980] hingga '84 [1984], Sekolah Menengah Penang Free. Dia orang panggil *Penang Free School*. Sekolah yang paling tua depa kata dekat Asia.

AA : Apakah jurusan yang abang ambil waktu sekolah menengah?

FH : Sekolah menengah? *Okay* (baiklah), sekolah menengah ambil-- Bukan ambil tapi memang dah memang kena duduk dekat situ pun sebab terlampau pandai sangat, Sastera. Dulu ada Sains, Perdagangan, Sastera. Dia ada tiga tahu dekat sekolah menengah itu. *So* (jadi), disebabkan terlampau pandai, dia Sains pun depa tak terima. Bukan tak dapat tau, depa tak terima *okay* (baiklah). Perdagangan pun dia orang tak terima. Abang nak pi blajaq perdagangan, depa kata tak boleh. *So* (jadi), depa bubuh la dekat Sastera. Yang tu yang layak la. *So* (jadi) depa-- mau tak mau pun, depa kata ni layak. *So* (jadi), nak buat macam mana cikgu apa semua-- sebab depa yang letak dekat situ. *So* (jadi), jadilah bidang Sastera. Nasib baik tak jadi sasterawan.

AA : Boleh ceritakan sedikit mengenai zaman sekolah abang dahulu?

FH : Kita mula daripada bawah lah kan, daripada sekolah rendah secara akademiknya, abang ini bukanlah seorang anak murid yang pandai la. *So* (jadi), cakap *okay-okay* (baik-baik) la, *okay* (baik) la kan? Dia *steady* (mantap), dia

steady (mantap) bukan? Takdak la bodoh sangat, tapi takdak la pandai sangat pun. Kira *okay-okay* (baik-baik) sahaja la. *So* (jadi) , daripada darjah satu sampai darjah enam itu, dia kelas A tahu. Satu A, Dua A, Tiga A, Empat A, Lima A, Enam A, semua kelas A. Yang itu satulah. Tapi tak pernah dapat nombor satu pun dalam kelas, selalu belas-belas la kan. Tapi kira A la tu kira-- memang menyeronokkan di sekolah rendah. Abang juga bukan seorang yang, seorang anak murid yang baik, nakal juga. Dia tak jahat tau, bukan jahat ya, bukan jahat, dia nakal pasal sekolah rendah. *So* (jadi), memang kena denda dengan cikgu, kena-- Sebab terlampau baik kan? Jadi, bila dah masuk sekolah menengah pun sama juga, dah masuk kelas Sastera, *so* (jadi) secara akademiknya abang boleh dikatakan bukan lah seorang anak murid yang menyerlah dalam pelajaran, tetapi *okay* (baik) la sederhana la, bukan? *So* (jadi), kelayakan pun semasa sekolah menengah itu SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] sahaja. Ini abang cerita betul-betul, bukan tipu ya. Abang memang SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] sahaja kelayakan, sijil SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] tahun '83 [1983]-- '80 [1980], '83 [1983] macam itu lah-- '84 [1984] la '84 [1984] keluar sekolah, itu *form five* (tingkatan lima) lah. *Okay* (baiklah), SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] sahaja dan mendapat kecemerlangan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Matematik *failed* (gagal) ya. *So* (jadi), *okay* (baik) la dapat gred dua, *second grade* (gred kedua) sebab gagal Matematik. Jadi, itulah kelayakan yang ada pun, SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] sahaja. Mamu kalau ikutkan mask ITM [Institut Teknologi MARA] sekejap tahu. ITM [Institut Teknologi MARA] Shah Alam. Tapi kursus *Art and Design* (seni dan reka bentuk) (AD10)-- *okay* (baik) sebab memang layak untuk itu pun. Nak ambil yang lain-lain memang tak boleh. Nak ambil chef *training* (latihan) pun tak boleh sebab abang Matematik *failed* (gagal). *So* (jadi), masuklah dekat ITM [Institut Teknologi MARA] masa itu tahun '85 [1985] kot, '85 [1985] tapi kursus itu AD10 *Art and Design* (seni dan reka bentuk) sepatutnya empat tahun. Empat tahun ya belajar tetapi abang habis dalam masa empat bulan. Selepas itu, balik *Penang* maknanya tak habis la kan sebab dia suruh lukis-lukis tahu

macam-macam, dia suruh lukis *drawing* (melukis) apa semua kan, sebab seni reka dan seni lukis kan? So (jadi), dah balik *Penang* tu yang kerja dekat hotel tahun 1986 dah kerja hotel dekat *Shangri-La Inn, Penang*.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: SEJARAH/PENGALAMAN BEKERJA

SK : Kita beralih kepada sejarah dan pengalaman bekerja. Apakah bidang pekerjaan yang mula-mula diceburi oleh abang selepas tamat pengajian?

FH : Kerja yang pertama selepas pengajian apa semua tu kan sebab dah belajar apa semua tu abang bekerja di hotel sebagai *reception* (tempat penyambut tetamu), *receptionist* (penyambut tetamu) yang penyambut tetamu lah yang masuk-masuk kaunter kan. Kalau masuk hotel-- iaitu di Pulau Pinang, *Shangri-La Inn Penang* pada ketika itu lah. Pada masa itu tahun 1986 nama hotel itu *Shangri-La Inn Penang*. Shangri-La yang mana satu buah Shangri-La yang ada dekat satu dunia ini. *Owner* (pemilik) dia orang Malaysia tahu Tan Sri Robert Kuok. Hotel satu dunia yang mana atas nama Shangri-La, itu adalah dia punya sendiri. So (jadi), kerja dengan dia. Sebagai *receptionist* (penyambut tetamu) kaunter itu daripada tahun '86 [1986] hingga '89 [1989]. Kemudian, tukaq kerja pasai pi *interview* (temu duga) untuk apa ini pramugara dengan *Malaysia Airlines [MAS]*. So (jadi), yang itu pada tahun pergi *interview* '89 [1989] dan pada dua hari bulan Januari tahun 1990 dah bertugas secara rasminya dengan *MAS [Malaysia Airlines]* sebagai pramugara dia orang panggil *flight steward* (pramugara penerbangan). Pada tahun 1994 dah bekerja-- apa ini kira berhenti kerja la, berhenti kerja dengan-- *MAS [Malaysia Airlines]*, *join* (sertai) lah apa ini dengan bidang hiburan dengan TV3 secara pekerja kontrak untuk rancangan yang pertama di Malaysia sebagai pengacara untuk program TV Sinaran Pasport Kegemilangan musim yang pertama, yang itulah musim pertama dan seterusnya pada-- bermula pada tahun 1994.

SK : Soalan tadi itu kira sebelum, sekarang yang untuk semasa. Apakah bidang yang abang minat sekarang?

FH : Apa bidang yang minat sekarang?

SK : (angguk).

FH : *Okay* (baiklah), *so* (jadi) yang itu semua kerja dulu-dulu tapi sekarang ni kalau tanyakan bidang apa yang diminati sekarang ini, bidang hiburan lah. Bidang la ni yang ada bidang hiburan lah. Memang seronok bidang ini tapi bukanlah kata dia ini memang seronok bukan? Nama sahaja-- bidang hiburan tapi dia ini kalau kita menerima seadanya dan kita mempunyai minat yang mendalam, dan kita-- apa orang kata orang putih kata kita ada *passion* (semangat) tahu, kita ada *passion* (semangat) kita, dan kita memang suka bidang ini. Jadi, sekarang ini memang bidang hiburan ini adalah memang bidang yang paling abang minati. Dia memang *enjoy* (seronok) dan *have fun* (berseronok).

SK : Seterusnya, selain kepakaran dalam seni perfileman, apakah kemahiran lain yang abang dapat hasilkan?

FH : Ada lah kemahiran lain, tapi tak dak lah hebat tara mana pun tapi tak dak lah terer sangat. *So* (jadi), selain bidang itu memasak (isyarat memasak) memasak. Selepas itu,-- tapi masak pun bukan semua masakan ya. Abang tak reti semua sangat *so* (jadi) abang boleh lah kalau masak macam kalau *western* (barat) lah *western* (barat) kan nak buat *steak* (stik) apa semua itu, macam nak buat *spaghetti* (pasta), *western dishes* (masakan barat) itu memang ada, yang itu memang salah satu kegemaran lah kan dan lagi satu, ini untuk minat dalam tanam pokok-pokok bunga, pokok buah-buahan apa semua itu, yang itu memang ada minat, dan juga pertukangan tahu, pertukangan kan macam-- ya lah buat reban ayam ke, ada buat para bunga ke atau nak *repair-repair* (baiki) kan. Tapi, takda lah dapat nak menyerlah sangat pasai peralatan dia tak banyak (ketawa). *So* (jadi), guna apa yang ada lah bukan. *So* (jadi), memang minat lah benda-benda macam itu. Seni kemahiran-- ya lah macam pertukangan tangan lah yang itu dia, sebab Sastera itu dulu kita kena ambil salah satu subjek dia pertukangan tangan *so* (jadi) yang itu lah betul lah tu, selain daripada bidang hiburan.

SK : **Okay (baiklah) seterusnya penglibatan dalam bidang lakonan, sebelum jadi pelakon dalam drama-drama tv, adakah abang melibatkan diri dalam apa-apa drama sebagai watak sampingan?**

FH : Sebelum terlibat dalam-- bidang hiburan ini lah?

SK : Ha'ah.

FH : Bidang lakonan ini lah sebelum ini ada-- Tak pernah terlibat langsung (ketawa). Tak pernah tapi minat itu memang ada. Tapi minat sebenarnya bukan dalam bidang lakonan dulu, dulu sebenarnya daripada sekolah lagi abang memang terlibat dalam-- apa ni-- seni lah kan? Apa depa panggil ni dekat sekolah dia ada *arts* (seni) lah, seni kan. Tapi bukan dalam seni macam mana tahu, dekat sekolah itu minat mi band-- yang main *drum* (gendang) itu, *brass band* tu, memang terlibat dan juga daripada zaman sekolah rendah lagi dah terlibat dah dalam mi band, main *drum* (gendang) *okay* (baik) *brass band* tu. Tapi-- dan juga selepas daripada itu memang abang minat menyanyi daripada sekolah, sekolah rendah. *So* (jadi), bila ada hari guru-guru, hari ibu bapa apa semua, cikgu nanti panggil menyanyi lah. *So* (jadi), yang itu sebelum kata terlibat dengan bidang ini, memang takdak masuk kursus ka, pi blajaq ka, dekat mana ka apa semua tu memang takdak, memang *zero* (kosong). Tapi minat tu memang ada. Jadi yang itulah rasanya yang menjadikan satu anjakan paradigma telah membuatkan abang berkecimpung dalam bidang seni hiburan ini tanpa mempunyai apa juga pendidikan ataupun pengajian yang formal sebelum itu.

SK : **Boleh abang ceritakan serba sedikit tak macam mana boleh melibatkan diri dalam bidang-- hiburan?**

FH : *Okay* (baiklah), *so* (jadi) dah lebih dalam la-- dalam laporan tv lah kan ya? *Okay* (baiklah), sebenarnya daripada dulu memang minat dengan bidang nyanyian. *So* (jadi), masa dah kerja dengan *MAS [Malaysia Airlines]* bila dah berpindah dekat KL [Kuala Lumpur] itu, *so* (jadi) dulu-dulu lah kan daripada tahun '90 [1990] sampai tahun '94 [1994] tu *so* (jadi) kita kerja *MAS [Malaysia Airlines]*,

pramugara. *So* (jadi), masa itu zaman karaoke tahu karaoke. *So* (jadi), abang pergi lah karaoke. *So* (jadi), masuk pertandingan-- *even* (malah) masa dekat *Penang* dulu pernah masuk Bakat Fiesta Pulau Pinang tapi tak menang lah, kalah. Itu dulu lah. Masuk final-- tapi kalah. Masuk final je kalah. Selepas itu bila dah sampai dekat KL [Kuala Lumpur] masuk pertandingan karaoke, menang. Tapi menang pun tak dapat-- tak pernah dapat nombor satu pun, dia dapat nombor dua ataupun nombor tiga. Tapi persembahan-- terbaik selalu dapat lah, persembahan terbaik. Jadi, kawan-kawan yang mana kerja dengan *MAS [Malaysia Airlines]*, yang mana kawan-kawan yang dekat Kelana Jaya masa itu, duduk dekat Kelana Jaya, dia orang tahu la. Dia orang ni-- kita bila lepak dekat kedai *so* (jadi) dia orang pun tahu jadi bila ada uji bakat, masa itu kerja *MAS [Malaysia Airlines]*, kawan-kawan bagitahu la "Pergilah *audition* (uji bakat)". *Audition* (uji bakat) yang pertama itu masa itu dekat Subang Parade. Subang Parade masa itu tahun '94 [1994] tahu '93 [1993]. Bukan Subang Parade sekarang ini. Sekarang ini dah macam-macam dah dekat situ kan? Subang Parade dekat Subang Jaya itu di Kuala Lumpur lah. *So* (jadi), di situlah bermulanya titik permulaan pi uji bakat dekat situ-- *so* (jadi) orang memang ramai tapi tak dapat nak diuji bakat pada hari itu *so* (jadi)-- tapi nama dah daftar dah sebab rumah-- abang itu masa itu depan Subang Parade. Ss 15 dekat kan? Jadi, jalan kaki je dekat sangat-sangat. Sepuluh minit je kot jalan dah sampai dah. *So* (jadi), pergilah uji bakat tetapi tak dapat hari itu tapi nama dah mendaftar *so* (jadi) dia orang suruh lah datang dekat TV3 jalan Liku Bangsar hari lain untuk diuji bakat. *So* (jadi), abang pun pergi lah. Seminggu ka atau lepas dua minggu dia punya tarikh selepas pada itu. *So* (jadi), pergilah uji bakat masa itu yang ada dekat situ ialah Azhar Borhan, pada ketika itu dia pengurus jabatan hiburan, Tan Guan Yu, dia apa ni *producer* (penerbit) apa ni *head entertainment department* (ketua jabatan hiburan). Selepas itu, Pu Yao Jin pun ada dekat situ. *So* (jadi), buat persembahan dan bermula daripada situ dia orang bagitahu selepas uji bakat itu, pergi kerja apa ini-- kemudian dapat maklum balas daripada pihak TV3 jabatan hiburan kata abang ini layak untuk

menyertai Sinaran Pasport Kegemilangan sebagai peserta. Masuk bukan jadi pengacara, ini peserta tau. Itu sejarah yang mula-mula, bukan kata pergi sana itu mula-mula masuk “Oh saya nak jadi pengacara”. Tak! Nak bertanding ni, nak bertanding. So (jadi), alhamdulillah dapat diterima sebagai peserta untuk menyertai pertandingan apa ini Sinaran Pasport Kegemilangan musim yang pertama. Tetapi, bila dipanggil untuk kali kedua, dia orang nak bagi *briefing* (taklimat), jadi kita ingat memang diterima sebagai peserta. Tetapi, keadaan sudah berubah bila pergi untuk sesi *audition* (uji bakat) untuk kali yang kedua, dia orang bagitahu, pihak TV3 bagitahu dia orang nak mencuba abang ini sebagai pengacara. Jadi, kira masa itu sebenarnya, ini ikhlas bercakap ya, abang tolak. Dia orang nak cuba. *Okay* (baiklah), sebab dia orang kata masa itu Tan Guan Yu dengan Azhar Borhan, Encik Azhar Borhan lah dia bagitahu dia kata “Mungkin *you* (awak) boleh jadi pengacara” sebab dia orang nak cari pengacara masa itu pengacara pun takdak. So (jadi), pada abang salah satu sebab mungkin- lah kenapa dia orang kata macam itu sebab dalam-- masa kerja dengan *MAS [Malaysia Airlines]*, abang ini memang salah seorang pramugara yang boleh buat *announcement* (pengumuman). Mungkin sebab itu lah, bila diuji bakat untuk pengacara itu, jadi abang takdak lah rasa kekok, sebab dah memang buat cuma *nervous* (gementar) je lah kan sebab depa bagitahu “Rancangan Sinaran Pasport Kegemilangan satu program untuk mencari bakat baru” apa semua tu. Jadi, bermula daripada situlah titik permulaannya dimana mungkin dah suratan. Suratan ataupun kebetulan lah. Yang itu lah tak sangka kata jadi pengacara. So (jadi), dah ditetapkan sebegitu maka selepas pada itu abang pun jadilah pengacara Sinaran Pasport Kegemilangan musim yang pertama dengan berganding-- bahu dengan Sharifah Norhaslinda ataupun Lin dan juga Jai Johari untuk musim yang pertama. Begitulah al-kisahny.

SK : **Kenapa abang meminati bidang ini?**

FH : Kenapa abang meminati bidang hiburan ini?

SK : (angguk)

FH : Sebenarnya daripada kecil dulu memang abang suka dengan bidang hiburan ini. Sebab dulu abang memang suka main gendang, main *drum* (gendang). Dekat rumah ambil *ruler* (pembaris) ataupun kayu memang suka ketuk-ketuk sana, ketuk-ketuk sini, sampai-- ke sekolah lah. Jadi mungkin itu proses. Jadi sekarang kalau ditanya kenapa abang meminati bidang hiburan ini --secara-- ini pada abang sendiri la kan sebab abang sendiri pun tak tahu tau apa yang seronok sangat dalam bidang hiburan ini tau sebenarnya dia tak lah seronok sangat pun walaupun namanya bidang hiburan. Dia tak seronok sangat pun. Kan dia ada dia punya asam garam pahit manis mamu punya ada. Mungkin sebab bakat yang ada yang dipinjamkan dekat abang ini kan, untuk seketika ini, dan mungkin ini adalah salah satu kerja yang abang boleh bekerja untuk menjana pendapatan. *So* (jadi), melalui-- sebab kelayakan abang memang takdak. Kan abang tak masuk pengajian tinggi, universiti, takdak Master takdak Diploma apa semua. *So* (jadi), digantikan dengan bakat yang ada ini, jadi yang itu yang menimbulkan rasa keseronokan. Dengan bakat yang ada ini, seronok itu memang seronok sebab kita ini dikenali umum, kita pi mana-mana orang kenai. Selepas itu, banyak sahabat, banyak kawan-kawan di seluruh Malaysia tau bukan dekat Malaysia tapi dekat Singapore, Sabah, Sarawak, Brunei tu memang ramai orang kenalan, ada banyak keluarga angkat. Jadi, memang menyeronokkanlah dalam bidang ini. Dia banyak perkara yang baik-baik yang kita boleh buat sebab, mungkin yang ini lah salah satu sebab kan kenapa ada bakat itu ada minat itu kan yang dipinjamkan sedikit dekat abang ini, jadi memang *enjoy* (seronok) lah bidang ini. *Have fun, enjoy life* (bersenang-senang, nikmati hidup). Yang itu dia (ketawa).

SK : **Bagaimana abang memotivasikan diri untuk meneruskan bidang hiburan?**

FH : Bagaimana saya, abang memotivasikan diri supaya senantiasa bersuka-ria dalam bidang hiburan ini. *Well* (baiklah), sebenarnya nak motivasi diri ini pada abang secara peribadilah abang takdak formula apa-apa pun, abang takdak

formula. Cuma, yang abang amalkan daripada dulu ialah abang bersyukur dengan apa yang telah dianugerahkan kepada abang iaitu bakat. Bakat yang ada *so* (jadi) dan abang gunakan bakat itu abang keluarkan bakat itu untuk dikongsi bersama dengan masyarakat umum dan untuk merasai kegembiraan, keseronokan di dalam bidang hiburan ini. *Okay* (baiklah), bila ada bakat macam itu kita seronok kita nak menghiburkan orang dia ada satu semangat di dalam diri kita ini yang ada jadi itu yang rasa yang memotivasikan apa ni semuanya elok indah bukan macam semua duk baca semuanya indah pergi sana pergi sini bidang ni best *okay* (baiklah) ramai *sign* (tandatangani) autograf ambil gambar hai sana hai sini yang tu di hadapan kamera, *okay* (baiklah) tetapi disebalik tabir itu memang ada dia punya asam garam dia, dia punya sedih pilu dia memang ada tetapi benda itu memanglah macam lumrah kehidupan dan pada mamu pada abang sendiri abang memang terima benda itu dan abang tak nak fikir benda-benda itu sebab hidup ni memang macam itu jadi dalam bidang hiburan ini abang memotivasikan diri abang ini ialah untuk hiburan diri kita dahulu, kita seniqi kena seronok dan gembira dan mempunyai satu inspirasi– uish bahasa dahsyat noh inspirasi (ketawa) –inspirasi dekat diri kita dahulu bila kita dah sejonok kita gembira, kita *happy* (gembira) insyaallah kita secara automatik kita akan sejonok nak menghiburkan sedara mara kita kawan-kawan kita dan jugak yang mana yang meminati kita dekat luaq lah yang tu yang bagi semangat dekat semangat ataupun motivasi dekat abang daripada dulu sampai sekarang walaupun sampai hari ini pendapatan tak tinggi macam mana pun tak macam *hollywood* ke *bollywood* pun bukan kadang-kadang *payment* (bayaran) pun tak dapat tapi *happy* (gembira) tetap *happy* (gembira), itu dia itu kenyataan yang sebenaq-benaqnya (ketawa).

SK : ***Okay* (baiklah) seterusnya apakah cabaran yang dihadapi oleh abang masa mula-mula mu- masa mula-mula kerjaya sebagai pelakon?**

FH : Oh cabaran, cabaran yang utama yang mula-mula lah *okay* (baiklah) dalam bidang hiburan ini ialah dengan mak dengan bapa, masa tu kerja *MAS*

[*Malaysia Airlines*]. *MAS [Malaysia Airlines]* tahu pramugara *okay* (baiklah), di awan biru, ga- gaji besaq, gaji ribu-ribu, empat ribu, lima ribu sebulan tahun '90 [1990] *okay* (baiklah) sampai '94 [1994] lepas itu nak berhenti, nak masuk bidang hiburan nak jadi anak seni mana mak bapa nak bagi yang itu cabaran yang paling besaq sekali *so* (jadi) cara abang menangani cabaran yang pertama itu, abang berhenti *MAS [Malaysia Airlines]* tak bagitahu dekat mak bapa pun depa tak tahu *okay* (baiklah), sebab depa duduk kat *Penang*, dia orang duduk dekat *Penang* masa tu abang duduk dekat Kuala Lumpur dah. *So* (jadi) dia orang tak tahu berhenti macam itu saja kan sebab masuk dalam tv kan masa tu mak sedara pon tak tau, lepas itu pun cabaran la cabaran sampai dekat-dekat musim pertama tu dia orang tak tau selepas daripada itu baru dia orang tau kata dah- berhenti. Itu cabaran peribadi lah tapi cabaran dalam- bidang ni atau pun dalam bidang hiburan ini masa melibatkan diri tu adalah untuk menunjuk, untuk mencungkil bakat yang ada ni dan untuk mengasah bakat dan juga untuk membiasakan diri berada di hadapan kamera dan berhadapan dengan penonton dan juga peminat-peminat di luar sana tanpa mengetahui sama ada peminat-peminat atau pun masyarakat umum di luar sana akan menerima kita ataupun tidak, kita memang tak tahu sebab dulu tahun 90-an awal-awal 90-an itu sosial media takdak, dia takdak Facebook, dia takdak Instagram, dia takdak Tiktok, dia takdak sosial media *so* (jadi) cuma kita hanya bergantung kepada media cetak, surat khabar *so* (jadi) itu merupakan satu cabaran dimana kita bidang ni lah dalam bidang hiburan ini. Ini merupakan titik permulaan untuk kita terus berjaya atau pun titik permulaan untuk teruih merudum teruih, keluaq-keluaq tv selepas itu teruih tak keluaq dah pasal orang semua tak mau. Jadi itu merupakan cabaran krekkkkkkkkkk ataupun halangan yang abang lalui krekkkkkkkk pada ketika itu dan abang perlu membuktikan kepada pihak *tv [televisyen]* stesen, pihak TV3 bahawa abang ni mempunyai bakat yang boleh digilap dan boleh di *polish* (gilap) dan boleh diketengahkan dalam masa yang singkat jadi yang itu cabaran yang paling besaq lah tapi alhamdulillah duk cuci punya cuci- dengan *clorox* dengan segala-galanya alhamdulillah sampai hari

ini ada lagi dekat dalam bidang hiburan ini dan masih lagi mendapat tawaran-tawaran untuk menjadi pengacara untuk majlis-majlis makan malam, majlis korporat, dan juga untuk berlakon jadi yang itu lah dia jadi alhamdulillah lah itu lah cabaran-cabaran yang abang dah melalui lah (ketawa).

SK : Seterusnya, pada pendapat abang apa persiapan yang penting yang perlu dilakukan sebelum menceburi bidang hiburan?

FH : *Okay* (baiklah), persediaan atau pun apa yang perlu kita buat lah sebelum nak masuk dalam bidang ni kan? *okay* (baiklah) dia sebenarnya dekat sini kalau tanya dekat abang sendiri abang akan bagitau dua sebab abang ni buat sebenarnya mula-mula sebagai pengacara kan? kemudian baru masuk dalam bidang lakonan baru berlakon filem drama ‘Anak Mami’ dulu tu kan. *So* (jadi) apa persediaan yang perlu ada ni adalah yang— paling utama sekali nombor satu ni krekkkkk yang perlu ada dekat diri kita ni adalah kita mempunyai krekkkkk satu minat yang mendalam, minat— tu yang paling utama *okay* (baiklah) dan lagi satu kita mempunyai, kita tahu diri kita ni kemampuan diri kita di mana. Kita— kena tahu kemampuan dan di mana kekuatan bakat kita ni, macam abang sekarang ni kalau nak buat persediaan masa itu sebagai pengacara jadi bila jadi pengacara tu persediaan diri sendiri tu kita tahu dah apa yang perlu ada untuk jadi seorang pengacara untuk bercakap ataupun berkata-kata di hadapan penonton untuk sesuatu majlis apa yang perlu kita ada. Satu, kita kena ada satu, suara tu kena ada la satu la kalau orang bisu tak boleh jadi pengacara sebab dia tak boleh bercakap kan *so* (jadi) kena ada suara dan satu kepetahan untuk berkata-kata dan kena buat persediaan tentang majlis-majlis yang akan kita kendalikan dan apakah— siapa yang akan berada di situ dia kena buat *research groundwork* (asas penyelidikan) dia lah *okay* (baiklah) ini untuk bidang pengacaraan. Yang paling utama sekali adalah minat *okay* (baiklah) kena ada kita ada kemahuan dan jugak kita tahu kekuatan diri kita itu dekat mana. Kalau pengacara ini keperluan yang perlu ada, kalau dalam bidang lakonan kita tahu kita ada perwatakan kita penjiwaan kita dalam watak untuk yang kita pikul atau

kita bawa di dalam bidang lakonan dan kita tahu kita berlakon kira dahsyat lah bukan berpura-pura memang pun dalam berlakon ni sebenarnya kita *action* (tindakan) sahaja kita berpura-pura kan tapi penjiwaan itu watak itu perlu kita ada dan sama juga dalam bidang lakonan yang paling utama adalah kita kena ada bakat dan kita sendiri tahu *okay* (baiklah) kita kena jujur dan ikhlas dengan diri kita sendiri bahawanya “aku ni boleh menyanyi tapi suara aku tak sedap” kan menyanyi mam- sumbang mambang tapi nak menyanyi juga tapi sebenarnya dia ni ada kekuatan dalam bidang lakonan, contoh lah kan *so* (jadi) dia kena terima kenyataan itu bahawa dia boleh lah menyanyi tapi kurang menyerlah jadi dia tahu dalam bidang seni ini dia memang bagus daripada dalam bidang lakonan, prekkkkkkkk itu dia dia kena tahu kekuatan dalam diri dia kelemahan dalam diri dia dan cuba untuk memperbaiki kelemahan yang ada sebab bakat ni anugerah tahu dia tak boleh nak pi belajaq dekat mana-mana pun kan so yang itulah kena cuci dengan *clorox* cuci basuh apa semua tu kan ha jadi yang paling utama sekali prekkkkk minat dan tahu kekuatan diri kita yang mana kuat yang mana lemah itu yang paling utama.

SK : *Okay* (baiklah), habis dalam penglibatan dalam bidang lakonan sekarang penglibatan dalam perniagaan?

FH : Perniagaan?

SK : Menurut sumber abang ada memulakan perniagaan nasi lemak?

FH : Alamak itu baru lagi.

SK : Jadinya sebagai pengusaha nasi lemak dah berapa tahun?

FH : (terkejut) Bukan pengusaha nasi lemak. Info tu rasanya tak tepat. Nasi lemak tu betui dah betui– tapi tak tepat. *Okay* (baiklah) sebenarnya abang dulu kalau diikutkan perniagaan nasi lemak ni abang meniaga, berniaga tau bukan ta- tak mengusaha, tak masak pun kan. Masa *PKP [Perintah Kawalan Pergerakan]* ni je sebab *Covid-19 [Coronavirus disease]* kan semua kena *lockdown* (penutupan

dan penyekatan) *so* (jadi) tak boleh keluaq pi mana-mana *so* (jadi) yang meniaga tu pun yang buat perniagaan ni sebenarnya adalah boleh kata macam saudara juga lah, kawan punya saudara *so* (jadi) dah anggap macam memang *close* (dekat) macam kawan rapat *so* (jadi) dia yang buat nasi lemak *so* (jadi) sambal dia memang sedap *so* (jadi) dia pun tak boleh berniaga dia ada kedai dia warung dia *so* dia pon tak boleh meniaga kita orang pun takdak apa-apa *so* (jadi) daripada situ *why not* (kenapa tidak) tanya dekat dia “kak, kak boleh buat tak yang ini—” dia kata “boleh, buat la” *okay* (baiklah) tak apa kita buat *online* (dalam talian) yang itu terbit yang itu yang tu perniagaan itu hanya masa *PKP [Perintah Kawalan Pergerakan]* saja masa *Covid-19 [Coronavirus disease]* saja kan tetapi alhamdulillah la secara *online* (dalam talian). Tetapi kalau nak katakan perniagaan sebelum itu memang abang terlibat, abang memang meniaga ada *kiosk* (gerai) sendiri, *kiosk* (gerai) *okay* (baiklah) meniaga itu yang kita buat *western* (barat) tu, itu meniaga betui itu sebelum tu pada tahun 2016 ha 2015, 2016 jadi masa itu buat *western* (barat) ada *kiosk* (gerai) meniaga pengalaman berniaga itu memang lah satu bidang yang amat mencabar sekali *okay* (baiklah) dia sama juga macam bidang hiburan sama ja kita berhadapan dengan pelanggan kita, dengan karenah dia orang tapi kita memasak lah yang tu buat *western* (barat), buat *steak* (stik), ada *lamb* (kambing), ada *steak* (stik), ada *fish and chip* (ikan dan kerepek) apa semua tu *western* (barat), *western dish* (hidangan barat). *So* (jadi) kalau nak tanya tadi apa? pengalaman meniaga ehh?

SK : Ha’ah.

FH : Ha kan, *so* (jadi) dia punya penat lelah itu memang lah mencabar lagi mencabar daripada bidang apa ni bidang hiburan pasaipa kita kena buat persediaan daripada awal untuk memenuhi permintaan pelanggan kita. *So* (jadi) kita masak tu kena konsisten dan kita punya *public relation* (perhubungan awam) dengan *customer* (pelanggan) kita kena mesra kita masak sedap *and then* (dan kemudian) kita kena konsisten hari ini sedap esok sedap lusa pun sedap lagi tiga bulan pun sedap juga jadi kita kena konsisten dan kita kena pandai mengambil

hati pelanggan, harga kena betui dan bidang perniagaan ni amat memenatkan. Tak larat *so* (jadi) abang meniaga tak sampai satu tahun lepastu *give up* (berputus asa) tak boleh memang rasa memang ada minat tapi penjiwaan tu takdak, letih setiap tengahari sampai ke malam kan jadi pengalaman yang tidak dapat dilupakan lah, amat mencabar.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: SUMBANGAN DAN HARAPAN

SK : Soalan berkenaan sumbangan dan harapan.

FH : Maknanya?

SK : Boleh tak abang ceritakan pengalaman manis yang tak boleh dilupakan sepanjang menceburi bidang hiburan?

FH : Ohh yang tu *okay* (baiklah). Pengalaman manis– dalam bidang hiburan sejak terlibat lah dia ada beberapa– kenangan-kenangan manis *okay* (baiklah) *so* (jadi) mamu akan cerita sikit-sikit lah dia– banyak dalam media hiburan ni dia ada banyak tau seronok. Yang pertamanya ialah apabila pihak TV3 menerima abang sebagai salah seorang pengacara di dalam rancangan ‘Sinaran Pasport Kegemilangan’ pada tahun ‘94 [1994], yang itu kira memang *yes* (ya) *okay* (baiklah) memang *happy* (gembira) sangat-sangat sebab apa sebab masuk *tv [televisyen]* dia masa tu dia lupa bakat tu dia boleh lupa minat dia, dia seronok “aku masuk tv lah” yang tu memang seronok sangat-sangat sebab selama ini minat kita duk tengok pelakon-pelakon anak-anak seni dalam kaca *tv [televisyen]* *and then* (dan kemudian) kemudian kita sendiri ada dalam kaca *tv [televisyen]* kan dulu kita tengok orang kita tengok “uish P.Ramlee kan, oh pelakon ni oh pelakon tu penyanyi tu” kita tengok sekarang ni kita dah masuk dalam bidang tu dulu kita di luaq tau sekarang ni kita dah masuk ke dalam *so* (jadi) kita ni dah berada di dalam kelompok bidang hiburan dan kelompok anak seni, yang tu memang saat macam lagu P.Ramlee (menyanyi lagu P.Ramlee) saat yang bahagia. Yang tu memang seronok betui alright (baiklah). Yang keduanya, memori kira memang tidak dapat dilupakan saat-saat kegembiraan tu ialah bila dah masuk dalam bidang hiburan ni kita berjumpa dengan artis-artis yang selama ini kita cuma tengok di kaca *tv [televisyen]*, dulu kita tengok dalam *tv [televisyen]* je kan. Macam ini lah kan macam seri dengan aliah la ini kita tengok macam ini je kan mana lah tau satu hari tiba-tiba pi dekat kelantan jumpa berdepan “haa, alamak” nampak dia punya suasana itu keadaan itu

pertama kali berjumpa dengan contoh berjumpa dengan Wan Zaleha Radzi TV3 *okay* (baiklah), Allahyarham Dato' Mahadzir Lokman *okay* (baiklah), jumpa dengan Azwan Ali, jumpa dengan Nurfarahin Jamsari yang tu kira ha apa ni— Aznil apa Dato' Haji Aznil Nawawi so selebriti TV3, yang tu kat TV3 lah itu permulaan tau baca pemberita dia masa tu Christine Ling “alamak” jumpa kita “hai” kita pengacara sinaran tau kan dia orang macam “hai, abang” tengok kan macam macam kagum tau “wow” ada depan mata *okay* (baiklah) itu saat yang menggemirakan *okay* (baiklah) tak boleh nak gambarkan ha kan yang itu kira suasana nanti lah kalau suatu hari aliah ke seri kan bila jumpa itu memang boleh tau lah jumpa selebriti ke mana-mana kan macam, and then saat gembira yang itu— jumpa yang ni tau jadi dia punya lagi satu kita nak masuk dalam bidang ini kita rasa selama ni kita berada di belakang kamera kita tak tau macam mana bila— berlakon drama *okay* (baiklah) ‘Anak Mami’ jadi masa itu kita jumpa Allahyarham Pak Piee, Pak Maidin itu boleh kata *legend* (lagenda) *okay* (baiklah) pada abang *legend* (lagenda), jumpa dengan Allahyarham Ismail Din lepastu jumpa Kartina Aziz kan itu semua nama-nama besaq tau and then kita berlakon jadi yang ni kira menyat- menyatakan kegembiraan yang sampai sekarang kalau tanya lah kan memang abang tak boleh nak gambarkan keseronokan, kegembiraan diberi peluang untuk berjumpa dengan dia orang secara rapat tau duduk, minum kopi, gelak ketawa dengan dia orang kan sebab dulu kita tengok depa dekat tv [*televisyen*] “oh, minat lah” sekali dia ada depan-depan bukan macam ni tau dia ada depan *okay* (baiklah) tengok dia orang pun mata kelepok-kelepok “ha, ya bang” duk tengok dia tau macam kalau boleh tu taknak berkelip tau, lepastu bila sebagai pengacara dalam rancangan-rancangan TV3 kan masatu ‘Sinaran Pasport Kegemilangan’ dia jemput penyanyi-penyanyi yang popular *okay* (baiklah) masa itu M.Nasir dah ada, Jamal Abdillah dah lama, lepas itu Siti Nurhaliza baru nak naik *okay* (baiklah) *and then* (dan kemudian) jumpa Fauziah Latiff, Allahyarham Datuk Sharifah Aini, Khatijah Ibrahim tu semua kita masa kecil-kecil kita membesar dengan dia orang tahu membesar dengan dia orang *and then* (dan kemudian) kemudian dia

orang ada di depan mata kita memang minat dengan dia orang duduk diam duduk walaupun duduk dekat tepi kan orang tu duduk curi-curi mata tengok je tau ni pengacara *okay* (baiklah), pengacara sinaran *okay* (baiklah) pun kagum jadi secara umumnya kan abang nak bagitahu *time* (waktu) itu kira macam depa kata macam jakun juga tahu, orang baru kan tengok tu “wow” nak minta autograf segan. *So* (jadi) bayangkan dulu tak ada *handphone* (telefon bimbit) mana ada amik gambar tahun ‘94 [1994] tak ada *handphone* (telefon bimbit) lagi pun, ada *handphone* (telefon bimbit) pun tak boleh nak ambil gambar *so* (jadi) *sign* (tandatangani) autograf saja lah, ambillah kertas kan pergi tanya suruh dia orang *sign* (tandatangani) yang itu memang saat-saat manis dan saat-saat kegembiraan yang abang takkan lupakan sampai mati. Ini kenangan seumur hidup bidang hiburan ini adalah satu bidang yang amat menyeronokkan, amat menggembarakan dan secara peribadi kepada abang sendiri abang amat bersyukur walaupun dalam bidang hiburan banyak kenangan-kenangan manis bukan hanya berjumpa dengan anak seni-anak seni tanah air, artis-artis tanah air tetapi juga dapat berjumpa dengan pembesar-pembesar negara tahu sebab abang jadi pengacara, buat majlis-majlis dapat berjumpa dengan pembesar-pembesar negara macam Perdana Menteri dulu pernah jumpa dengan Tun Mahathir, pernah jumpa dengan Pak Lah, lepaih itu pernah berjumpa dengan Raja Perlis masa itu dia jadi Agong, kita jadi pengacara dapat jumpa banyak tokoh-tokoh di dalam kerajaan dan juga tokoh-tokoh korporat untuk majlis, dia orang buat majlis makan malam macam Sime Darby, UEM, *PETRONAS* [*Petroliam Nasional Berhad*] *so* (jadi) secara menyeluruhnya abang memang amat menghargai saat-saat itu dan memang amat menggembarakan dan bersyukur sangat-sangat walaupun matematik *fail* (gagal) dalam *SPM* [*Sijil Pelajaran Malaysia*] kelayakan tak tinggi mana tetapi Allah ganti, Allah ganti dengan sesuatu anugerah dia kan, turut berada di dalam bidang ini untuk menghiburkan segenap lapisan masyarakat, termasuklah aliah dan seri juga pada hari ni dalam duk *interview* (temu bual) tu duk gelak-gelak jugak kan *so* (jadi) maknanya kegembiraan itu— jadi abang amat bersyukur sekali dan abang

merasakan ini adalah saat-saat ketika dan waktunya yang tidak akan abang lupa sampai bila-bila dan benda ini tak akan berhenti, sebab esok lusa akan ada benda baru yang berlaku lagi yang akan menjadi kenangan manis yang mengembirakan abang sampai lah abang mati baru lah benda ni akan berhenti, jadi setiap saat setiap detik yang abang lalui ini memang menyeronokkan, memang mengembirakan. Pengalaman yang tidak dapat abang lupakan, *very happy* (sangat mengembirakan).

SK : **Seterusnya, apakah pen- pencapaian tertinggi yang pernah dicapai semasa menceburi bidang hiburan?**

FH : Pencapaian?

SK : Ha'ah.

FH : Ha ni namanya macam menang anugerah apa semua tu lah? Tak pernah menang pun (ketawa). Walaupun berlakon dalam drama 'Anak Mami', filem 'Anak Mami' itu pun meletup-letup kan dulu kan tapi tak pernah terima pun apa-apa anugerah pun sebab mungkin dalam– bidang pengacaraan pun tak pernah tetapi pernah dicalonkan, ha dicalonkan untuk Anugerah Pelakon Komedi Terbaik, pencalonan saja kan itu TV3 punya masa itu selepas drama 'Anak Mami' kot drama 'Anak Mami' ke Filem 'Anak Mami' masa tu ha Filem 'Anak Mami' pencalonan saja yang tu satu-satunya saja lah lepas tu takdak lagi dah pasai sebenarnya abang ni lebih kepada pengacara, ha tau dak untuk majlis-majlis apa semua kan untuk program *tv [televisyen]* apa semua *so* (jadi) anugerah ni kebanyakannya untuk pelakon kan. Selepas itu abang lebih kepada pengacaraan yang tak masuk dalam *tv [televisyen]* tau ha masa sinaran dengan TV3 dulu memang lah ada di dalam *tv [televisyen]* tapi selepas itu abang tak banyak, abang buat banyak luaq, dekat luaq kan *so* (jadi) mungkin itu salah satu sebab mungkin abang tak layak untuk dikategorikan dalam kategori-kategori yang dia orang ada lah, tapi itu tak lah menjadi masalah pun kan menang anugerah ka, atau tak menang anugerah ka, pada abang itu adalah subjektif kerana yang

meneruskan kerjaya abang dalam bidang seni hiburan ni bukannya kena menerima anugerah atau pun pengiktirafan, sebenarnya pada abang sendiri penerimaan masyarakat, penerimaan peminat-peminat yang suka dengan persembahan abang, lakonan abang, cara abang mengendalikan rancangan itu adalah hadiah ataupun anugerah yang lagi besar dekat abang daripada dulu sampai sekarang, bukanlah nak kena pegang *award* (anugerah), menang *award* (anugerah) nak tunjuk dekat semua orang (menunjukkan dompet seperti trofi) lepastu *job* (pekerjaan) takdak enam bulan takdak *job* (pekerjaan) tapi menang *award* (anugerah) lepastu takdak kerja kan, *so* (jadi) pada abang sebab itu abang amat menghargai tak kira siapa pun, peminat-peminat di luar sana, masyarakat, netizen-netizen sampai hari ini yang menyokong abang ini itu adalah pencapaian abang yang terbaik yang abang akan hargai sampai bila-bila itu adalah anugerah daripada netizen, masyarakat kepada abang itu yang terbaik. Takdak piala pun tak apa. Tak ada anugerah ini pun tak apa itu adalah anugerah yang paling baik. *The best* (terbaik).

SK : Pada pandangan abang, sebagai tokoh dalam bidang ini kenapa pentingnya untuk kita kekalkan bidang ini sampai ke generasi yang seterusnya?

FH : Kenapa kena kekalkan bidang hiburan ni la? Generasi yang ada sekarang ini. *Okay* (baiklah) salah satunya bidang hiburan ini adalah satu bidang yang indah *okay* (baiklah) yang indah dan kenapa ia harus dikekalkan adalah kerana ia membawa banyak kesan-kesan ataupun im-impak yang positif *okay* (baiklah) kerana salah satunya yang menghilangkan *stress* (tekanan), di alaf baru ini yang terlalu banyak *stress* (tekanan) *okay* (baiklah) dengan harga-harga yang meningkat dan melambung naik, semua orang *stress* (tekanan) tetapi dengan ada nya anak-anak seni dalam bidang lawak jenaka, dalam bidang lakonan dan ada masyarakat yang meminati, ini satu menghilangkan *stress* (tekanan) dia seronok tengok dia gelak dia lupa masalah yang dia ada walaupun hanya untuk seketika itu amat bermakna. Lagi satu kenapa bidang hiburan ini harus

dikekalkan kerana ia merupakan satu landasan untuk kita mempromosikan budaya, tradisi dan apa ni budaya, tradisi dan apa ni *heritage* (warisan) tu apa dia? Budaya, tradisi dan

SK : Warisan

FH : Warisan. Betui nasib baik lupa kan, warisan okay jadi kita kena tengok dalam bidang hiburan ini bukan hanya bidang lakonan dan nyanyian ataupun penulisan skrip, permainan alat muzik *okay* (baiklah) bidang seni ini pada pada abang sendiri industri bidang seni ini dia luas jadi boleh digunakan sebagai satu *platform* (pentas) atau satu landasan untuk kita mempromosikan budaya di Malaysia ini yang begitu kaya dengan kepelbagaian. Kita ada budaya orang Melayu, budaya orang Cina, budaya orang India, orang Portugis dan banyak lagi budaya Orang Asli, jadi macam mana kita nak tonjolkan budaya itu dalam budaya itu sendiri ada elemen-elemen seni-seni hiburan, *okay* (baiklah) macam orang asli walaupun dia nyanyi (menyanyi seperti orang Asli) itu pun satu seni juga budaya dan tradisi dia orang tapi kalau tidak ada seni macam ini macam mana kita nak kenal, kita nak kenal yang ini tradisi orang cina, raya cina dia main singa tu *okay* (baiklah), *so* (jadi) kita tahu jadi budaya, budaya atau seni hiburan ini memang perlu diteruskan dan pada pada abang sendiri ia tidak mungkin luput *okay* (baiklah) dia tidak akan luput kerana di dalam keagamaan kita sebagai orang Islam pun dia ada seni hiburan dia juga seni dia kita mengaji, ada pertandingan musabaqah, kita ada nasyid nampak itu pun dalam agama-keagamaan kan orang bila kita mengaji, berzanji lepas tu dia ada apa lagi mungkin berzanji kan satu kan bila kita berselawat beramai-ramai ada tak alunan irama dan lagu? tak boleh dipisahkan walaupun orang itu individu itu tidak terlibat di dalam bidang seni hiburan secara tidak langsung di bulan ramadhan kita mengaji al-quran ada irama dan lagu dia kan bismillahirrahmanirrahim dah ada irama dan lagu pak imam, pak haji tu dia bukan penyanyi pun dia tak terlibat pun tetapi bila dia baca (membaca takbir) Allahu Akbar dia dah baca dia *start* (mula) baca al-fatihah ada irama dan lagu,

begitu halus sehingga kita tidak sedar dalam setiap kehidupan seharian kita ini seni hiburan, seni irama dan lagu itu ada di dalam setiap insan yang ada, walaupun kata la ni kalau dikatakan ada– yang menyatakan bahawa seni hiburan ni tak bagus la tak sihat apa semua yang itu salah kan tidak tepat lah tidak tepat dia bergantung kepada macam mana kita mengendalikan dan membawa benda itu untuk dimanfaatkan kepada masyarakat jadi ini ca– banyak landasan boleh kita gunakan memperbaiki diri kita. Nak menidurkan anak pun mak kita dulu menyanyi tahu (menyanyi lagu) dododoi alahai sayang dia tepuk tahu kita pun lena tok kita bukan penyanyi *okay* (baiklah) *so* (jadi) irama dan lagu dan seni ini memang telah ada di dalam diri kita sejak azali lagi cuma benda ini memang akan terus berada dan kita harus mengambil inisiatif atau pun mengambil satu pandangan di mana untuk mengeluarkan apa yang ada itu dan untuk kita salurkan dan kita gunakan pada landasan yang betul supaya dapat dimanfaatkan. Cara mungkin berbeza tetapi dia punya matlamat adalah sama untuk mendengarkan– untuk kebaikan diri kita untuk kebaikan masyarakat, untuk perniagaan, untuk keagamaan pun ada juga kan, jadi untuk kehidupan seharian *so* (jadi) boleh dikatakan bidang seni ini wajib atau bukan la wajib insyaallah akan terus berada ha sampai bila-bila lah itu dia.

SK : Seterusnya apakah pesanan dan harapan abang kepada generasi muda yang terutamanya ingin menceburi bidang ni lah?

FH : Ha *okay* (baiklah) ni kira pesanan lah kan ha. Kepada mereka-mereka yang diluar sana yang amat meminati bidang seni hiburan ini lah, *so* (jadi) seni hiburan ni pada abang sendiri abang merangkumi semua la walaupun dia main *busking* (pemuzik jalanan) ka, dia main peralatan muzik, penulisan skrip, dia *compose* (mengarang) lagu termasuk lah juga yang *technical crew* (krew teknikal) di dalam perfileman atau drama semua tu merangkumi semua, itu semua anak seni, walaupun dia ubah-ubah lampu itu pun anak seni tau kalau takdak lampu kita nak berlakon tak boleh gelap kan. Jadi pesanan kepada *even* (malah) yang seni lukis *okay* (baiklah) yang lukis tepi jalan yang buat

caricature (karikatur) itu semua adalah anak seni bukan kata macam kita orang penyanyi, pelakon saja semuanya itu adalah anak seni. Seni ukiran *okay* (baiklah) seni untuk— apa juga seni tenun apa semua tu merangkumi semua, jadi nasihat atau pun pesanan abang kepada mereka ini semua yang paling utama sekali adalah utamakan apa ini minat itu dahulu minat tu perlu ada *okay* (baiklah) untuk kita menyerlahkan bakat yang kita ada dan gunalah anugerah bakat yang telah dianugerahkan kepada kita itu sebaik yang mungkin untuk dimanfaatkan kepada diri kita sendiri, dan juga kepada kaum keluarga kita, sedara mara kita dan juga kepada masyarakat umum *okay* (baiklah) sebab bidang seni ini merupakan satu bidang yang teramat luas yang ramai terlepas pandang *okay* (baiklah) ramai yang beranggapan bahawa anak seni ini hanya tertumpu kepada bidang penyiaran *okay* (baiklah) muncul di kaca *tv [televisyen]* sebagai seorang pelakon, penyanyi, penulisan skrip, bermain alat muzik tetapi sebenarnya anak seni ataupun bidang seni hiburan ini merangkumi satu bidang yang teramat luas termasuk lah pembinaan bangunan itu pun adalah seni bina *okay* (baiklah) seni landskap *okay* (baiklah) *even* (malah) untuk gunting rambut itu pun adalah seni. Seni untuk *makeup* (solek) *okay* (baiklah), untuk buat baju itu semua adalah seni tetapi ramai yang terlepas pandang kerana apa kerana bidang-bidang yang lain itu tidak muncul di kaca *tv [televisyen]* jadi kita tidak menghargai seni yang mereka ada *even* (malah) kalau kata yang buat topi macam ini pun memerlukan seni kita tak boleh buat hanya yang dianugerahkan bakat itu seni itu diletakkan kepada individu tersebut dia boleh buat kan seni untuk mengaji, seni untuk menyanyi banyak terlalu banyak jadi pesanan itu adalah jagalah bakat yang telah dianugerahkan itu sebaik mungkin jangan salah guna bakat itu kerana bakat yang dianugerahkan ataupun yang dipinjamkan kepada kita boleh menjadikan kita seorang yang berjaya di dalam kehidupan *okay* (baiklah) ke satu tahap yang paling tinggi dan bakat ini jugak boleh menjatuhkan kita jadi kita kena pandai jaga seni yang dianugerahkan dan dipinjamkan kepada kita, jaga lah permata yang diberikan kepada kita sebaik yang mungkin kerana pada abang sendiri bakat ini merupakan satu permata

yang begitu berharga sekali yang ada di dalam diri kita yang tak boleh kita lihat hanya kita yang boleh asah gilap kan dia supaya dapat cahayanya yang keluar itu dapat menerangi kehidupan, kegembiraan masyarakat yang ada di luar sana itulah pesanan yang abang boleh bagi lah pasai bidang seni hiburan ni terlalu luas, luas sangat-sangat.

SK : Boleh kami tahu apa perancangan abang pada masa hadapan dalam bidang ni?

FH : Ha perancangan, perancangan dan harapan dalam bidang hiburan ni sebenarnya ikhlas bercakap sebenarnya tak tau pun, takdak harapan pun, tak rancang pun sebabnya kita ini bidang hiburan dekat Malaysia ini dia tak boleh dia tak boleh kita nak merancang tau pasai kita memang tak tau pun, sebabnya yang ni kenyataan lah bidang hiburan di dalam Malaysia ni bukan lah kita kata tidak boleh nak mencari boleh nak buat perancangan tau tetapi sebab sekarang ni dengan keadaan telah berubah kan tetapi apa yang yang pada abang sendiri persediaan dan harapan— abang dalam bidang ini adalah agar bidang hiburan ini di— Malaysia ini kepada anak-anak seni boleh diluaskan, diluaskan lagi keluar daripada Malaysia ini pergi ke negara-negara luar dan abang harapkan dan juga penghargaan yang lebih kepada semua anak-anak seni bukan hanya tertumpu kepada pelakon, penyanyi yang muncul di kaca tv [*televisyen*] tetapi juga penghargaan kepada setiap anak seni yang terlibat ha dalam bidang hiburan ini la. Penghargaan yang sewajarnya yang itu yang pertama lah harapan kan. Yang kedua maknanya penghargaan kan tadi yang pertama penghargaan yang nombor dua ialah juga abang berharap agar masyarakat atau pun netizen-netizen terus memberi sokongan dan meminati anak seni-anak seni yang berada di tanah air kita ini dan memberikan sokongan yang padu memang kita tahu pasaran tu memang kecik Malaysia ni memang kecik berbanding dengan anak-anak seni negara barat tapi jangan lah dibuat perbandingan yang begitu ketara kan sebab bakat ini yang ada di— Malaysia ni di tanah air kita ni tidak kurang hebat dia kan kalau dekat negara sana dia orang Elvis Presley, dia orang ada

Michael Jackson, di Malaysia kita ada Tan Sri P. Ramlee kita ada penyanyi yang hebat, kita ada Dato' Siti Nurhaliza, kita ada Dato' Jamal Abdillah kan. Jadi kita ada ramai anak-anak seni ini diantaranya lah yang abang cakap kan. Jadi kita mengharapkan dan masyarakat di Malaysia ini memberikan sokongan yang padu dan sentiasa *support* (sokongan) anak-anak seni tanah air dan memberikan sokongan walaupun tak banyak, sikit pun tak apa lah kan macam ada filem pergi tengok tak payah lah pi tengok banyak-banyak kali pun sekali pun *okay* (baiklah) lah tanda sokongan dan penghargaan kepada anak-anak seni dan harapan di masa depan tu tak tahu lah kan sebab abang ni cuma pengacara ja kan berlakon pun satu filem ja *so* (jadi) yelah mudah-mudahan kalau kata peminat masih menyukai abang, suka abang kan seronok dengan persembahan abang *so* (jadi) abang bersyukur alhamdulillah lah untuk abang meneruskan kehidupan ni buat sementara waktu dan terus macam mana nak kata terus mengingati abang walaupun suatu masa nanti abang dah tak dak terus lah mengingati abang dan apa yang telah abang lakukan selama ini dan sepanjang hayat yang diizinkan itu untuk menggembirakan dan mencuit hati masyarakat yang ada di Malaysia ni, dan abang juga nak ambil kesempatan ni untuk mengucapkan terima kasih banyak-banyak di atas sokongan terhadap dekat abang dan juga kepada semua anak-anak seni tanah air selama ini sebab kalau kata peminat-peminat, netizen-netizen tidak menyokong, tidak memberikan sokongan tidak minat dengan kita orang, kita orang tak akan ada di sini. *So* (jadi) terima kasih banyak-banyak itu lah harapan abang daripada sekarang sampai lah selagi abang hidup lah bila dah mati dah tak dak harapan dah.

SK : Abang ada tak sosial media untuk peminat ikut perkembangan?

FH : Ada la ni zaman teknologi tinggi, tak masuk kat *tv [televisyen]* kena ada sosial media, pelakon pun la ni banyak naik turun sosial media ada- *okay* (baiklah) untuk apa ni peminat-peminat seni lah kan kawan-kawan, peminat-peminat yang nak tahu sosial media ni memang ada, ada Instagram *okay* (baiklah) faroukhussain19 cari ja taip jelah *type out* (taip keluar) faroukhussain1967 *okay*

(baiklah) *so* (jadi) memang ada dekat situ instagram ada Facebook dan juga ada yang paling baru ni lah ada TikTok-. TikTok dia punya nama dia cari nama farouk hussain akan keluar farouk hussain ataupun cari nama *nickname* (nama panggilan) yang dekat situ kan nama samaran dia panggil mongoose, mongoose1967 *so* (jadi) mamu memang ada sekarang ni, mamu gunakan sosial media ni bukan lah kata promosikan bagitahu apa semua tu tak, mamu tak dak lah sangat *posting-posting* (kiriman) banyak-banyak tu *okay* (baiklah) dekat Instagram ke, dekat Facebook tu takdak *so* (jadi) mamu libatkan diri dengan sosial media ni, tiga ni lah sekarang ni Facebook, Instagram dengan TikTok *so* (jadi) la ni mamu memang rajin buat TikTok sebab dia orang kata TikTok ni dia buat *live* (siaran langsung) buat *live*- buat siaran langsung dia mendekatkan lagi diri abang dengan para peminat kan *so* (jadi) kita sembang-sembang macam ini santai macam ini lah apa yang dia orang nak tanya *and then* (dan kemudian) lepas tu kita gelak ketawa kita *happy* (gembira) apa semua kadang kat situ ye sebab selain daripada nak tunggu drama kan drama ni bila nak keluaq kat *tv [televisyen]* pun tak tau, bila nak keluar rancangan apa pun kita tak tau kan kadang-kadang nak tunggu, tunggu hari raya ja baru keluaq kan hari Raya Puasa, Raya Haji tu pun malam tu saja kan duk menyanyi malam tu (menyanyi lagu raya) selamat hari raya malam tu saja kan *so* (jadi) la ni bila ada TikTok setiap masa boleh ha *so* (jadi) mamu sekarang ni lebih aktif dengan tu lah TikTok tu lah.

TAMAT BAHAGIAN 4

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Farouk Hussain sepanjang berkarya sebagai seorang pelakon, penyanyi, pelawak dan pengacara yang bermula pada tahun 1994 sehingga kini. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh Encik dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam industri seni para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

LOG WAWANCARA

Ahmanur Aliah Binti Muhamad Ibrahim dan Seri Khairani Binti Norazmi menemubual Encik Mohammed Farouk Bin Mohd Hussain, yang dilahirkan pada 1967, di Pulau Pinang. Temubual dijalankan di platform Google Meet, mengenai pengalaman beliau sebagai seorang pelakon dalam tahun 1994 hingga 2022.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG		
0.00	Peribadi	Pulau Pinang 1967
13.26	Keluarga	Hajjah Puan Jamilah Binti P. Kadir Haji Mohamad Hussein Bin Haji Mohamad Sultan Kota Damansara
16.37	Pasangan dan anak-anak	Azlina Binti Mohamad Yunus
BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN		
20.11	Sekolah rendah	Sekolah Francis Light 1 Pulau Pinang

21.06	Sekolah Menengah	Penang Free School
BAHAGIAN 3: SEJARAH/PENGALAMAN BEKERJA		
26.14	Sebelum	Shangri-La Inn, Pulau Pinang Malaysia Airlines (MAS)
28.43	Semasa	TV3
31.21	Penglibatan dalam bidang lakonan	Subang Parade Azhar Borhan Tan Guan Yu Sinaran Pasport Kegemilangan
52.55	Penglibatan dalam bidang perniagaan	Nasi Lemak Kiosk Western
BAHAGIAN 4: SUMBANGAN DAN HARAPAN		
56.42	Harapan dalam bidang hiburan Pengalaman manis Pencapaian	Wan Zaleha Radzi Dato'Haji Aznil Nawawi Azwan Ali Pencalonan Anugerah Pelakon Komedi Terbaik

GLOSARI

<i>Covid-19</i>	Coronavirus (COVID-19) adalah penyakit berjangkit yang berpunca daripada virus corona yang baru ditemui. Kes pertama yang dilaporkan adalah pada Disember 2019 di Wuhan, China.
Dato' Jamal Abdillah	Dato' Jamal Ubaidillah Haji Mohd Ali ataupun lebih dikenali sebagai Jamal Abdillah merupakan seorang penyanyi lelaki Malaysia. Selain itu, beliau juga telah mendapat gelaran Raja Pop Malaysia.
Dato' Siti Nurhaliza	Dato' Siti Nurhaliza merupakan seorang penyanyi, pelakon, penulis lagu, penerbit rakaman, pengacara televisyen, dan ahli perniagaan Malaysia. Beliau memulakan kerjayanya di industri muzik Malaysia pada usia 16 tahun selepas memenangi pertandingan nyanyian Bintang HMI anjuran Radio Televisyen Malaysia (RTM) pada 1 April 1995 di mana beliau menerima tawaran kontrak rakaman daripada empat syarikat rakaman antarabangsa sebelum dilamar oleh Suria Records.
Elvis Presley	Elvis Aaron Presley juga dikenali sebagai Elvis, ialah penyanyi dan pelakon Amerika Syarikat. Dianggap sebagai salah satu ikon kebudayaan yang paling penting pada abad ke-20, beliau sering disebut sebagai "Raja Rock & Roll" atau hanya "Raja".
Kartina Aziz	Kartina Abdul Aziz merupakan pelakon dan pelawak Malaysia yang popular sejak era 80an. Beliau terkenal menerusi drama <i>Rumah Kedai</i> serta filem <i>Mami Jarum</i> . Ketika Festival Filem Malaysia ke-16, beliau telah memenangi anugerah Pelakon Komedi Terbaik. Pada tahun 2009, beliau telah dicalonkan untuk kategori Pelakon TV Wanita Terbaik di Anugerah Skrin 2009 menerusi lakonannya dalam drama <i>Mama Nenek</i> .

MAS	Malaysia Airlines Berhad merupakan syarikat penerbangan pembawa bendera Malaysia dan ahli perikatan syarikat penerbangan Oneworld. Ibu pejabat syarikat berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.
Robert De Niro	Robert Anthony De Niro Jr. ialah seorang pelakon dan penerbit di Amerika Syarikat. Dia terkenal dengan sembilan kerjasama dengan pembuat filem Martin Scorsese, dan merupakan penerima pelbagai anugerah, termasuk dua Anugerah Akademi, Anugerah Golden Globe, Anugerah Cecil B. DeMille, dan Anugerah Pencapaian Kehidupan Guild Screen Actors.
Sinaran Pasport Kegemilangan	Sinaran Pasport Kegemilangan ialah sebuah pertandingan untuk mencungkil bakat di kalangan orang yang berbakat dalam bidang seni di seluruh Malaysia. Kali pertama disiarkan di TV3 pada tahun 1994 dan mula disiarkan pada 4 Jun tahun itu. Fokus rancangan Sinaran Pasport Kegemilangan berubah-ubah, di mana contohnya dalam dua musim pertama, ia lebih memfokuskan kepada komedi, berbanding musim ketiga dan keempat yang lebih memfokuskan kepada nyanyian.
Tan Sri P. Ramlee	Tan Sri P. Ramlee merupakan seorang penyanyi, pelakon, pengarah, pemuzik dan penulis lagu Malaysia. Beliau dianugerahkan "Seniman Agung Negara" kerana jasanya yang amat besar dalam industri filem dan muzik dan hasil karya sasteranya. Beliau dikenang sebagai ikon terkemuka dalam industri hiburan Malaysia.
TV3	TV3 ialah saluran televisyen percuma Malaysia yang dimiliki oleh Media Prima. TV3 ialah stesen TV ketiga dan ketiga tertua di Malaysia. Ia telah dilancarkan pada 1 Jun 1984 sebagai saluran televisyen swasta yang pertama dan tertua di negara ini.

INDEKS

A

Akademik 14, 15

Anugerah 10, 23, 26, 31, 32, 33, 36, 37,
42, 43, 44

B

Bakat 9, 10, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 29,
36, 37, 38, 44

Bidang 3, 4, 6, 7, 8, 9, 10, 14, 17, 18, 19,
21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29,
30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 42,
44

D

Drama 13, 19, 25, 30, 32, 36, 39, 43

F

Facebook 24, 39

Filem 4, 5, 6, 10, 18, 25, 32, 36, 38, 43, 44

H

Harapan 5, 8, 29, 35, 37, 38, 42

Hiburan 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 17, 18, 19, 20,
21, 22, 23, 24, 25, 27, 28, 29, 31,
32, 33, 34, 35, 36, 37, 42, 44

Hotel 8, 11, 16, 17

K

Keluarga 10, 12, 13, 22, 36, 41

Kerjaya 12, 13, 24, 33, 43

Kuala Lumpur 3, 7, 11, 12, 13, 19, 20, 24,
44

L

Lakonon 3, 6, 19, 25, 26, 33, 34, 42, 43

M

Malaysia Airlines 7, 11, 12, 17, 19, 20, 21,
24, 42, 44

Muzik 34, 35, 36, 43, 44

N

Nyanyian 9, 34, 43, 44

P

Pelakon 3, 10, 19, 24, 29, 32, 36, 37, 39,
40, 41, 42, 43, 44

Pencapaian 32, 33, 42, 44

Pengacara 3, 17, 21, 25, 26, 29, 30, 31, 32,
38, 40, 43

Penyanyi 3, 10, 29, 30, 35, 36, 37, 38, 40,
43, 44

Perniagaan 26, 27, 28, 35, 42, 43

Pramugara 7, 8, 11, 12, 17, 20, 21, 24

Program 2, 3, 17, 21, 32

Pulau Pinang 3, 7, 8, 9, 11, 12, 14, 17, 20,
41, 42

U

Uji bakat 20, 21

W

Warisan 4, 5, 34

I

Idola 9

Industri 4, 5, 34, 40, 43, 44

Instagram 24, 39

R

Rancangan 17, 21, 29, 30, 33, 37, 39, 44

S

Seni 4, 5, 6, 8, 9, 15, 16, 18, 19, 23, 24,
26, 29, 31, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39,
40, 44

Shangri-La Inn Hotel 16, 17, 42

T

Televisyen 25, 29, 32, 36, 37, 39, 43, 44

TikTok 24, 39

TV3 13, 17, 20, 21, 24, 29, 30, 32, 42, 44

BIBLIOGRAFI

- Astro Gempak. (2019). Sembang Teh Tarik Episod 8 - Farouk Hussein [YouTube Video]. In *YouTube*. <https://www.youtube.com/watch?v=-0W5bimuhyY>
- Bernamea. (2019, May 12). *Kesenian platform pupuk keharmonian masyarakat majmuk di Sabah*. Malaysiakini; Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/hiburan/475838>
- Channel, B. (2018). Bual Santai Bersama Farouk Hussein, Driver dalam DRAMA DIA di SkyDeck, KL Tower [YouTube Video]. In *YouTube*. <https://www.youtube.com/watch?v=P2VV3OXGgBo>
- Islam dan Pembentukan Budaya Berhibur*. (2022). Laman Web Rasmi: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). <https://www.ikim.gov.my/index.php/2007/07/06/islam-dan-pembentukan-budaya-berhibur/>
- Khai Azfar. (2017, October 13). *Dimanakah Pelawak-Pelawak Ini Menghilang?* Murai MY. <https://murai.my/2017/22509/dimanakah-pelawak-pelawak-ini-menghilang/>
- Mohaideen, A. R. (2016). *Pembangunan Modal Insan Dan Motivasi Kerja Dalam Industri Perfileman Di Malaysia : Satu*.
- MOHD ISKANDAR OTHMAN. (2022, March 5). *Setia Karya iktiraf bakat seni tempatan*. Sinarharian; sinarharian. <https://www.sinarharian.com.my/article/191210/EDISI/Setia-Karya-iktiraf-bakat-seni-tempatan>
- Onenews. (2022). Hargai seniman veteran, bantu sumbang pembangunan negara bangsa [YouTube Video]. In *YouTube*. <https://www.youtube.com/watch?v=qRih1b6rXnc>
- Rahmat Abdul Manap. (2012). FAROUK HUSSAIN - SENDI YANG HILANG [YouTube Video]. In *YouTube*. https://www.youtube.com/watch?v=TWI_WUgXXvs
- Ridzuan Abdul Rahman. (2018, January 19). "*Buang masa fokus lakonan*." Harian Metro; New Straits Times. <https://www.hmetro.com.my/rap/2018/01/305368/buang-masa-fokus-lakonan>
- Sejarah Kumpulan_Senario*. (2013). Malay.wiki. https://malay.wiki/content/Kumpulan_Senario/Sejarah.html
- Understanding oral history: Why do it?* (n.d.). <https://www.baylor.edu/content/services/document.php/66420.pdf>
- Zas. (2020, May 31). *(DELETED) "Comelnya anak dara tu.. "* - Netizen | Berita Kopak CC. Berita Kopak CC. <https://beritakopak.cc/comelnya-anak-dara-tu-netizen/>

LAMPIRAN

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Mohammed Farouk Mohd Hussain 670212 07 5083

Saya 4hb Julai 2022 K/P: _____ pada _____
dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyempunan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disewak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll, sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.



(Nama tokoh)
Tarikh: 4hb Julai 2022



(Nama penerbit: Nurulnisa Binti Abdullah)
b.p. Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

SENARAI SOALAN

1.0 LATAR BELAKANG TOKOH

1.1 PERIBADI

- Boleh ceritakan sedikit latar belakang Encik seperti nama penuh, nama panggilan, tarikh lahir, tempat lahir?
- Di manakah negeri asal kelahiran Encik?
- Di manakah Encik dibesarkan?
- Berapakah usia Encik pada tahun ini?
- Di manakah tempat tinggal Encik sewaktu kecil dahulu?
- Apakah hobi yang diminati oleh Encik selain daripada bidang ini?
- Apakah cita-cita Encik sewaktu kecil selain daripada bidang ini?
- Apakah makanan dan minuman kegemaran Encik?
- Siapakah idola Encik dalam bidang seni?
- Apakah motto hidup Encik?

1.2 KELUARGA

- Siapakah nama ibu dan bapa Encik?
- Berapakah bilangan adik-beradik Encik?
- Adakah adik-beradik Encik turut terlibat dalam bidang yang sama dengan Encik?

1.3 PASANGAN DAN ANAK-ANAK

- Bilakah Encik berkeluarga?
- Siapakah nama isteri Encik?
- Berapakah usia isteri Encik?
- Adakah adik-beradik Encik turut terlibat dalam bidang yang sama dengan Encik?
- Berapakah umur dan kerjaya anak-anak Encik?
- Adakah anak-anak turut meminati bidang yang Encik ceburi/minati?
- Bagaimanakah Encik membahagikan masa untuk bersama keluarga dan kerjaya?

2.0 SEJARAH PENDIDIKAN

2.1 SEKOLAH RENDAH

- Apakah nama sekolah rendah Encik?
- Tahun bilakah Encik memulakan persekolahan rendah?
- Tahun bilakah Encik menamatkan sekolah rendah Encik?

2.2 SEKOLAH MENENGAH

- Apakah nama sekolah menengah Encik?
- Tahun bilakah Encik mula melangkah ke alam sekolah menengah?
- Ketika Encik di Tingkatan 3, apakah nama peperiksaan sebelum naik ke Tingkatan 4?
- Tahun bilakah Encik mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)?
- Apakah jurusan yang Encik ambil ketika di sekolah menengah?
- Boleh ceritakan sedikit mengenai zaman sekolah menengah Encik?

3.0 SEJARAH/PENGALAMAN BEKERJA

SEBELUM

- Apakah bidang pekerjaan yang mula-mula diceburi oleh Encik selepas tamat pengajian?
- Apakah nama syarikat yang mula-mula Encik bekerja?
- Berapa lamakah Encik bekerja dalam bidang tersebut?
- Apakah jawatan yang disandang sewaktu bekerja dalam bidang tersebut?

SEMASA

- Apakah bidang yang lebih Encik minat masa kini?
- Selain kepakaran dalam seni perfileman, apakah kemahiran lain yang Encik dapat hasilkan?

3.1 PENGLIBATAN DALAM BIDANG LAKONAN

- Sebelum Encik menjadi pelakon drama-drama tv, adakah Encik melibatkan diri dalam apa-apa drama sebagai watak sampingan?
- Bolehkah Encik memberi pengenalan tentang bidang perfileman ini?
- Bolehkah Encik cerita serba sedikit bagaimana Encik boleh melibatkan diri dalam bidang perfileman?
- Mengapa Encik meminati bidang ini?
- Apakah keistimewaan bidang perfileman ini kepada Encik?
- Siapakah yang mendorong Encik untuk melibatkan diri dalam bidang ini?
- Berapa lamakah pengalaman Encik dalam menceburi bidang ini?
- Tahun bilakah Encik melibatkan diri dalam perfileman?
- Berapa lamakah masa yang diambil untuk mahir dalam bidang ini?
- Bagaimanakah perasaan Encik apabila menceburi bidang ini?
- Adakah Encik mempunyai idola yang menjadi inspirasi bagi Encik dalam menceburkan diri dalam bidang ini?
- Bagaimana Encik memotivasikan diri untuk meneruskan bidang ini?
- Bagaimana Encik menyeimbangkan kehidupan berkeluarga dengan bidang yang diceburi?
- Apakah cabaran yang dihadapi oleh Encik masa mula-mula memulakan kerjaya sebagai pelakon?
- Pada pendapat Encik, apa persiapan yang penting yang perlu dilakukan sebelum menceburi bidang ini?
- Apakah drama pertama yang Encik mula dalam kerjaya sebagai pelakon?
- Bagaimanakah Encik bergiat aktif dalam bidang drama tanah air sehingga mampu sampai ke tahap sekarang?

3.2 PENGLIBATAN DALAM BIDANG PERNIAGAAN

- Menurut sumber, Encik telah memulakan perniagaan Nasi Lemak. Dalam bidang perniagaan sebagai pengusaha nasi lemak, sudah berapa tahun Encik menceburi bidang ini?

4.0 SUMBANGAN DAN HARAPAN

- Bolehkah Encik ceritakan pengalaman manis yang tidak dapat dilupakan sepanjang menceburi perfileman ini?
- Apakah pencapaian tertinggi yang pernah dicapai semasa menceburi bidang yang diusahakan oleh Encik?
- Pada pandangan Encik sebagai tokoh dalam bidang perfileman, mengapa pentingnya untuk kita kekalkan bidang ini sehingga ke generasi seterusnya?
- Apakah pesanan Encik kepada generasi muda berkaitan bidang perfileman ini terutama yang ingin menceburi bidang ini?
- Apakah harapan Encik kepada generasi muda lebih menceburi bidang perfileman ini?
- Boleh kami tahu apakah perancangan Encik pada masa hadapan dalam bidang ini?
- Adakah Encik mempunyai sosial media untuk peminat mengikuti perkembangan Encik?

DIARI PENYELIDIKAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
9.00pg - 10.00pg	5 Apr 2022	Pemilihan tokoh artis veteran untuk ditemubual	Menyenaraikan artis yang ingin ditemubual
3.13ptg – 4.42ptg	14 Jun 2022	Menghubungi melalui media sosial (WhatsApp) untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemuramah	Memberitahu tujuan untuk menemubual tokoh
12.36ptg – 1.01ptg	27 Jun 2022	Penetapan tarikh untuk ditemubual	Memberi tarikh yang sesuai untuk ditemubual kepada tokoh
10.32pg – 9.13mlm	4 Jul 2022	Menetapkan pautan temu bual dan memberi tokoh surat perjanjian sejarah lisan	Memberi pautan dan surat perjanjian sejarah lisan
10.00pg – 11.41pg	5 Jul 2022	Temubual Bersama tokoh	Menemubual tokoh dengan mengajukan beberapa soalan

GAMBAR

